

Bil. S 70

**AKTA LESEN RAMPAIAN
(PENGAL 127)**

PERATURAN-PERATURAN LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2011

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
 2. Pindaan peraturan 2.
 3. Pemasukan peraturan-peraturan 8A dan 8B baru.
 4. Pindaan peraturan 16.
 5. Pemasukan Bahagian IIA baru.
 6. Pindaan peraturan 45.
 7. Penggantian Jadual Pertama.
 8. Pindaan Jadual Kedua.
 9. Pindaan Jadual Keempat.
-

**AKTA LESEN RAMPAIAN
(PENGAL 127)**

PERATURAN-PERATURAN LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2011

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 2(1) dari Akta Lesen Rampaian, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lesen Rampaian (Pindaan), 2011.

Pindaan peraturan 2.

2. Peraturan-Peraturan Lesen Rampaian, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dalam peraturan 2, dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas "pegawai yang diberi kuasa" —

" "establismen kecantikan dan kesihatan" bermakna mana-mana premis yang menyediakan sebarang perkhidmatan atau kemudahan yang berikut atau sebarang gabungan perkhidmatan atau kemudahan yang berikut —

- (a) mengurut;
- (b) sauna;
- (c) spa, termasuk mandian air panas atau sejuk;
- (d) gimnasium;
- (e) aerobik;
- (f) aromaterapi;
- (g) melangsingkan badan;
- (h) manikur dan pedikur;
- (i) refleksologi;
- (j) salon rambut; dan

(k) apa-apa aktiviti yang berkaitan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pihak berkuasa melesen;"

Pemasukan peraturan-peraturan 8A dan 8B baru.

3. Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memasukkan 2 peraturan baru yang berikut sejurus selepas peraturan 8 —

"Pembatalan.

8A. Tiada lesen boleh dikeluarkan —

(a) kepada seseorang pemohon yang berumur 18 tahun ke bawah;

(b) berkaitan dengan premis yang, pada pendapat pihak berkuasa melesen, adalah tidak sesuai untuk mengendalikan sebuah establismen kecantikan dan kesihatan; atau

(c) jika pemohon gagal memberi suatu akujanji bahawa orang-orang yang mempunyai kelayakan atau kemahiran yang diperlukan akan diambil bekerja.

Rayuan.

8B. Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keengganan pihak berkuasa melesen untuk memberikan suatu lesen atau dengan suatu keputusan pihak berkuasa melesen untuk menggantung atau membatalkan suatu lesen boleh, dalam masa 14 hari dari tarikh menerima notis keengganan, penggantungan atau pembatalan itu, membuat rayuan secara bertulis kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad."

Pindaan peraturan 16.

4. Peraturan 16 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memasukkan "establismen kecantikan dan kesihatan" sejurus selepas "rumah penginapan".

Pemasukan Bahagian IIA baru.

5. Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memasukkan Bahagian baru yang berikut sejurus selepas peraturan 17A —

"BAHAGIAN IIA

ESTABLISMENT KECANTIKAN DAN KESIHATAN

Pengenalan Bahagian IIA.

17B. Peruntukan-peruntukan Bahagian ini dikenakan hanya berkenaan dengan establismen kecantikan dan kesihatan.

Daftar pekerja.

17C. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah menyelenggarakan suatu daftar yang mengandungi nama, bilangan kad pengenalan, alamat kediaman, kelayakan atau kemahiran dan apa-apa butiran lain yang berkaitan mengenai pekerja-pekerjanya, dan juga gambar-gambar pekerjaanya, dan hendaklah menunjukkan daftar itu bagi pemeriksaan apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa melesen.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah, apabila mengupah seseorang pekerja, mengemukakan butir-butir pekerja itu kepada pihak berkuasa melesen dan hendaklah memberitahu pihak berkuasa melesen mengenai sebarang perubahan ke atas butir-butir pekerja itu.

Pemeriksaan perubatan.

17D. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa dia, jika dia juga seorang pekerja atau pekerja-pekerjanya menjalani, sekali dalam setiap dua tahun, pemeriksaan perubatan dan mendapat suatu sijil perubatan daripada seseorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Penggali 112).

Menggunakan langsir atau tabir lain untuk memisahkan katil-katil tidak melebihi 2 meter tingginya.

17E. (1) Seseorang pemegang lesen boleh, dalam kawasan yang digunakan untuk mengurut atau bagi menjaga mana-mana bahagian badan atau muka menggunakan langsir atau tabir lain yang dibuat dari apa-apa bahan yang ditentukan oleh pihak berkuasa melesen untuk memisahkan katil-katil tetapi langsir atau tabir tersebut tidak boleh melebihi 2 meter tingginya yang disukat dari lantai.

(2) Pintu mana-mana kawasan di mana perkhidmatan diberikan atau kemudahan disediakan tidak boleh dikunci.

Bilik persalinan.

17F. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa terdapat suatu ruang yang sesuai untuk bersalin pakaian bagi pelanggan-pelanggan.

Pengalihudaraan.

17G. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa terdapat pengalihudaraan yang mencukupi di dalam establismen kecantikan dan kesihatan dan bahawa cara pengalihudaraan sentiasa dalam keadaan baik.

Penyenggaraan am dan pembaikan.

17H. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua peralatan mekanik dan elektrik yang digunakan di dalam establismen kecantikan dan kesihatan disenggara pada setiap masa dalam keadaan baik dan memuaskan.

Larangan.

17I. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh —

(a) membenarkan mana-mana orang yang diketahui atau disyakinnya dengan munasabah sebagai menghidap penyakit berjangkit atau menular untuk memasuki establismen kecantikan dan kesihatan;

(b) mengambil bekerja di dalam establismen kecantikan dan kesihatan mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai menderita suatu penyakit berjangkit;

(c) mengambil bekerja di dalam establismen kecantikan dan kesihatan mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai seorang pelacur atau seorang yang mempunyai perangai buruk;

(d) berpakaian tidak sopan atau membenarkan seseorang pekerja berpakaian tidak sopan di dalam establismen kecantikan dan kesihatan;

(e) membenarkan seseorang pekerja lelaki melayan pelanggan wanita dan begitu juga sebaliknya;

(f) melayan pelanggan-pelanggan lelaki dan wanita di dalam kawasan layanan yang sama;

(g) membenarkan mana-mana binatang memasuki, berada atau dipelihara di dalam establismen kecantikan dan kesihatan; dan

(h) mempamerkan apa-apa fotograf, gambar, barang atau benda lucu di dalam establismen kecantikan dan kesihatan.

(2) Peraturan kecil (1)(e) dan (f) tidak dikenakan kepada sebuah premis yang menyediakan perkhidmatan atau kemudahan gimnasium atau aerobik."

Pindaan peraturan 45.

6. Peraturan 45 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memotong "dan (b)" dan menggantikannya dengan ", (b) dan (c)" selepas "(a)".

Penggantian Jadual Pertama.

7. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan Jadual baru yang berikut —

"JADUAL PERTAMA
(peraturan 2)

Pihak-pihak berkuasa melesen, kawasan-kawasan melesen mereka dan butiran-butiran yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta itu yang berkenaan dengannya pihak-pihak berkuasa itu menjalankan tugas-tugas mereka di bawah Akta itu dan Peraturan-Peraturan ini adalah seperti berikut —

Pihak Berkuasa Melesen	Kawasan Melesen	Butiran dalam Jadual kepada Akta
1. Lembaga Bandaran	Kawasan Lembaga Bandaran	(a) Establismen kecantikan dan kesihatan (f) Kedai runcit (g) Stor kayu dan kilang perabot (h) Bengkel
2. Bahagian Promosi dan Pembangunan Keusahawanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	Semua kawasan	(d) Peniaga kenderaan bermotor (e) Stesen minyak termasuk tempat menyimpan minyak dan bahan-bahan mudah terbakar

3. Lembaga Melesen Daerah	Semua kawasan di luar kawasan Lembaga Bandaran	(a)	Establismen kecantikan dan kesihatan
		(b)	Kedai kopi, kedai makan, rumah penginapan atau tempat kunjungan dan hiburan orang ramai yang lain
		(c)	Penjaja
		(f)	Kedai runcit
		(g)	Stor kayu dan kilang perabot
		(h)	Bengkel."

Pindaan Jadual Kedua.

8. Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda, dalam perenggan 5, dengan memasukkan "establismen kecantikan dan kesihatan" sejurus selepas "kilang perabot" dalam baris keenam.

Pindaan Jadual Keempat.

9. Jadual Keempat kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan menambah butiran baru yang berikut —

Bayaran

	1 tahun	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun
"12. Establismen kecantikan dan kesihatan	\$100	\$200	\$300	\$400	\$500."

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 19 haribulan November, 2011.

PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
 USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN
 PENGARAH DATO PADUKA HAJI OTHMAN
 Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
 Negara Brunei Darussalam.